KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	12.02.22	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	PERHILITAN			

BH 140222

20

PERHILITAN sahkan ada harimau di Cameron Highlands

Kuantan: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Pahang mengesahkan ada harimau di Cameron Highlands seperti mana dakwaan tular dalam media sosial, susulan penemuan tapak kaki haiwan itu.

Pengarah PERHILITAN Pahang, Rozidan Md Yasin, berkata pihaknya menerima aduan berhubung perkara itu, Khamis lalu, dan hasil siasatan menemukan kesan tapak kaki terbabit kira-kira satu kilometer dari perkampungan Orang Asli Kampung Ubi di situ.

"Pemantauan di lokasi kejadian serta kawasan sekitar sedang dijalankan kakitangan PERHILITAN Pahang dan Perak.

"Pemantauan diteruskan bagi memastikan harimau itu kembali ke habitatnya dan tiada ancaman kepada penduduk," katanya ketika dihubungi, semalam.

Rozidan mengulas mengenai rakaman video berdurasi 26 saat yang tular menunjukkan haiwan itu berada di kawasan semak didakwa di Cameron Highlands.

Ia adalah video kedua berkaitan kelibat harimau selepas video pertama berdurasi 17 saat tular pada 5 Februari lalu yang dikatakan berlaku di Jalan Simpang Pulai-Cameron Highlands.

Bagaimanapun, pada 7 Februari lalu, Setiausaha Kerajaan Pahang, Datuk Seri Dr Sallehuddin Ishak dalam satu kenyataan memaklumkan, hasil pemeriksaan oleh Unit Harimau, PERHILITAN Perak, mendapati lokasi sebenar harimau itu ialah di Ladang Agroto, Perak, berhampiran Hutan Simpan Bukit Tapah, Perak. BERNAMA

> Pihak kami terima aduan berhubung perkara itu, Khamis lalu dan hasil siasatan menemukan kesan tapak kaki terbabit kira-kira satu kilometer dari kampung Orang Asli Kampung Ubi



Rozidan Md Yasin, *Pengarah PERHILITAN Pahang*